



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
WILAYAH PERSEKUTUAN
BIL. 6/2020**

**GARIS PANDUAN BAGI PENDAFTARAN PINDAHMILIK YANG
MELIBATKAN PENJUALAN HARTANAH OLEH WASI**

© Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan 2020

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk Dokumen	Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Bil. 6/2020
Disediakan oleh	Bahagian Pendaftaran Sektor Pendaftaran Tanah Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan
Alamat	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Aras G-6, Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin, 50678 Kuala Lumpur
Telefon	03 -2610 3300
Faks	03 – 2610 3499
E-mel	tanahwila@ptgwp.gov.my
Kategori dokumen	Terhad
Tarikh kuat kuasa	Tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

1. Tujuan

Tujuan Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk menetapkan garis panduan bagi urusan pindahmilik yang melibatkan probet dan wasiat di mana Wasi ingin memindahmilik hartanah si mati kepada pihak selain daripada yang dinamakan di dalam wasiat atau tanpa memindahmilik kepada waris-warisi si mati. Perkara ini adalah susulan daripada pandangan undang-undang yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Peguam Negara yang menjelaskan bahawa amalan di Pejabat ini adalah tidak selaras dengan peruntukan undang-undang yang terlibat.

2. Latar Belakang

- 2.1 Seksyen 60(3) Akta Probet dan Pentadbiran 1959 ("Akta 97") menyatakan bahawa seseorang wakil diri boleh menggadai, menggadaijanji atau melupuskan semua atau mana-mana harta yang terletak padanya, mengikut sebagaimana yang difikirkan patut, tertakluk kepada apa-apa sekatan yang mungkin dikenakan bagi maksud oleh wasiat si mati, dengan syarat bahawa seseorang wasi boleh melupuskan apa-apa harta walau apa pun sekatan yang dikenakan sedemikian, jika dia berbuat demikian mengikut sesuatu perintah Mahkamah.
- 2.2 Terdapat pencanggahan tafsiran Seksyen 60 Akta 97 di antara Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan pengamal undang-undang berdaftar. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan berpendapat bahawa sekiranya terdapat benefisiari dinamakan sebagai penerima bagi suatu hartanah di dalam wasiat, itu merupakan halangan kepada Wasi untuk memindahmilik hartanah tersebut kepada pihak lain.
- 2.3 Namun, suatu pandangan undang-undang mengenai perkara ini telah dikeluarkan oleh Bahagian Penasihat di Jabatan Peguam Negara melalui surat dengan nombor rujukan PN(ADV)152/500/9/9/2 Jld. 3 bertarikh 10 Februari 2020.
- 2.4 Ringkasan daripada pandangan tersebut telah menyatakan seperti berikut:
 - (a) Amalan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah tidak selaras dengan subseksyen 60(3) Akta 97.
 - (b) Subseksyen 60(3) dan kes Mahkamah yang dirujuk memperuntukkan bahawa Wasi diberi kuasa mutlak untuk melupuskan harta si mati mengikut budi bicaranya tanpa

perlu mendapatkan perintah mahkamah sebelum pelupusan tersebut dibuat tertakluk kepada apa-apa sekatan yang dikenakan oleh si mati dalam wasiatnya;

- (c) Sekiranya terdapat sekatan yang dinyatakan dalam wasiat oleh si mati, perintah Mahkamah perlu diperoleh sebelum wasi melupuskan hartanah si mati;
- (d) Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan untuk memastikan perkara tersebut dilaksanakan selaras dengan peruntukan subseksyen 60(3) Akta 97.

2.5 Penetapan garis panduan ini dikeluarkan bagi memastikan urusan berkaitan dapat diproses selaras dengan maksud peruntukan subseksyen 60(3) Akta 97.

3. Tatacara Pelaksanaan


- 3.1 Sekiranya terdapat permohonan untuk memindahmilik hartanah yang didaftarkan atas nama si mati oleh Wasi kepada pihak selain daripada yang dinamakan di dalam wasiat, Pendaftar perlulah mendaftarkan urusan tersebut dengan mengambilkira Wasi telah mendaftarkan nama beliau sebagai Wakil di dalam Surat Hakmilik.
- 3.2 Namun sekiranya terdapat sekatan yang dinyatakan di dalam wasiat si mati yang menghalang hartanya dijual kepada pihak lain tanpa dipindahmilik kepada waris, permohonan untuk mendaftarkan hakmilik tersebut boleh ditolak. Permohonan seperti ini memerlukan perintah Mahkamah sekiranya ingin diteruskan.
- 3.3 Sekiranya nama hakmilik masih didaftarkan di atas nama pemaju, Pendaftar boleh menerima permohonan pindahmilik secara terus daripada pemaju kepada penerima pindahmilik, dengan syarat Geran Probet disertakan sebagai kebenaran bagi pindahmilik tersebut.
- 3.4 Permohonan mendaftarkan pindahmilik daripada Wakil kepada pihak lain yang telah ditolak sebelum ini boleh dimasukkan semula dan didaftarkan tertakluk kepada fakta kes dan kandungan wasiat.

3. Tarikh Kuatkuasa

Pekeliling ini mulai berkuatkuasa pada tarikh pekeling ini dikeluarkan.

4. Pemakaian

Pekeliling ini terpakai kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.



DATO' HAJI CHE ROSLAN BIN CHE DAUD
Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan

No. Fail : PTG/WP.100-2/26

Bertarikh : 12 Mei 2020